

CD, UMS anjur Hari Terbuka, Hari Siswi bermula 17-20 April

08 18.4.2014 7

KOTA KINABALU: Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Hari Terbuka dan Hari Siswi buat julung-julung kalinya pada Khamis.

Program itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dalam kalangan mahasiswa Kolej CD yang berbeza latar belakang di samping memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai selok-belok pengurusan program di kolej kediaman mahu pun universiti.

Program turut memberi peluang masyarakat luar untuk masuk ke menara gading dan bersama-sama menjalankan aktiviti dengan mahasiswa khususnya penghuni Kolej CD.

Sepanjang program, pelbagai acara dirangka khusus bagi menarik kedatangan pengunjung dari dalam mahu pun luar UMS.

Expo keusahawanan, pameran serta Kempen Derma Darah merupakan antara aktiviti yang akan diadakan berterusan sepanjang empat hari (17-20 April 2014) program berlangsung.

Aktiviti lain yang akan diadakan termasuklah ceramah bersama

KPDNKK, I-Talk, bacaan Yassin dan Tazkirah, UMS Got Talent, Demonstrasi Keselamatan dan Kawad Badan Beruniform (Palapes Laut, UMS), Sukaneka (Wellness Community), Le Tour de CD, Kursus Seminar Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah serta Perasmian Taman Mini Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik.

Program Hari Siswi yang melibatkan mahasiswi sahaja akan diadakan di Dewan Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik.

Program Hari Siswi merupakan program yang diilhamkan Pengetua Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik sendiri iaitu Dr Mohamad Nizam Nazarudin bagi memberi peluang kepada mahasiswi untuk mengetengahkan bakat dan kemahiran melalui aktiviti-aktiviti seperti pertandingan Gubahan Hantaran dan Pertandingan Memasak.

Ia turut diadakan untuk mendedahkan mahasiswi kepada pelbagai kemahiran penjagaan diri dan kesihatan melalui segmen Cergas dan Ceria (Zumba), Health Talk (Herbalife), Segmen Make Over (Avon) serta demonstrasi masakan Adabi.